



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta 686**

**AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI  
SPESIES TERANCAM 2808**

Tarikh Perkenan Diraja

5 Februari 2008

Tarikh penyiaran dalam *Warta*

14 Februari 2008

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 686

### AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES TERANCAM 2008

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Akta hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang lain
3. Tafsiran

##### BAHAGIAN II

##### PIHAK BERKUASA

4. Pihak Berkuasa Pengurusan Utama
5. Fungsi Pihak Berkuasa Pengurusan Utama
6. Pihak Berkuasa Pengurusan
7. Fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa Pengurusan
8. Pihak Berkuasa Sainifik Utama dan Pihak Berkuasa Sainifik
9. Fungsi Pihak Berkuasa Sainifik

##### BAHAGIAN III

##### PERDAGANGAN SPESIES TERJADUAL

10. Import dan eksport
11. Eksport semula dan membawa masuk dari laut

**Seksyen**

12. Pemilikan spesies terjadual
13. Spesies terjadual dalam persinggahan
14. Pemiakbakaan atau pembiakan spesies terjadual
15. Kuasa untuk menghendaki spesies terjadual untuk ditandakan, dsb.

**BAHAGIAN IV****PERMIT, PERAKUAN DAN PENDAFTARAN**

16. Permit, perakuan dan pendaftaran
17. Pembatalan permit, perakuan atau pendaftaran
18. Pemiakbakaan dalam kurungan atau pembiakan buatan

**BAHAGIAN V****KUASA YANG BERHUBUNGAN DEKGAN PENGUATKUASAAN.  
PENYITAAAN, PENANGKAPAN DSB.**

19. Pegawai penguat kuasa
20. Kuasa penyiasatan
21. Kad kuasa
22. Kuasa penangkapan
23. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran
24. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
25. Kuasa untuk memasuki premis
26. Akses kepada data komputer
27. Penyitaan benda, dsb.
28. Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut
29. Notis penyitaan
30. Pemulangan sementara pengangkut, dsb.
31. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes
32. Pemeriksaan orang yang mengetahui kes
33. Kebolehterimaan pernyataan dalam keterangan
34. Pelucuthakan spesies terjadual. dsb. yang disita
35. Hak harta mengenai spesies terjadual, dsb. yang dilucuthakkan
36. Peiepasan spesies terjadual, dsb. yang disita

## *Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam*

### **Seksyen**

37. Kos memegang spesies terjadual, dsb. yang disita
38. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
39. Kuasa tambahan
40. Kesalahan mengamang atau menghalang pegawai penguat kuasa

### **BAHAGIAN VI**

#### **AM**

41. Pembayaran ke dalam kumpulan wang
42. Pengkompaunan kesalahan
43. Pemulaan pendakwaan
44. Perisytiharan palsu
45. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan
46. Kesalahan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmat
47. Pensubahatan dan percubaan
48. Pekhidmat awam
49. Perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang
50. Perlindungan pemberi maklumat
51. Ganjaran
52. Kuasa untuk mengecualikan
53. Kuasa untuk meminda Jadual
54. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
55. Pencegahan anomali

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 686

### AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES TERANCAM 2008

Suatu Akta untuk melaksanakan Konvensyen tentang Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[

BAHAWASANYA Konvensyen tentang Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam telah ditandatangani di Washington D.C. pada 3 Mac 1973:

DAN BAHAWASANYA Malaysia telah mendepositkan surat cara kesertaannya pada 20 Oktober 1977 dan oleh yang demikian mengikut Perkara XXII Konvensyen itu, Konvensyen tersebut mula berkuat kuasa setakat yang berkenaan dengan Malaysia pada 18 Januari 1978:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam 2008.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Akta hendaklah dibaca bersama-sama dengan undang-undang lain**

2. (1) Akta ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan import dan eksport, pemuliharaan tumbuhan, hutan dan haiwan dan perdagangan mengenai spesies terjadual, dan peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan undang-undang bertulis lain itu.

(2) Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan mana-mana undang-undang bertulis lain yang disebut dalam subseksyen (1), peruntukan Akta ini hendaklah terpakai.

**Tafsiran**

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Akta ini" termasuk apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini:

"bahagian yang mudah dikenali atau terbitan suatu haiwan" ertinya mana-mana bahagian besar yang lengkap atau bahagian atau terbitan suatu haiwan, yang dalam bentuk semula jadi, disumbat, didinginkan, diawetkan, dikeringkan, diproses atau selainnya dirawat atau disediakan yang boleh atau tidak boleh dikandung dalam sediaan, dan termasuk—

- (a) daging, tulang, belulang, kulit, taring, tanduk, tanduk rusa, kelenjar, bulu pelepah, bulu, gigi, kuku, cangkerang, sisik dan telur;
- (b) tisu, darah, lemak, minyak, susu, bisa, air liur, air kencing dan najis;
- (c) apa-apa sebatian kimia yang terbit daripada apa-apa yang disebut dalam perenggan (a) atau (b); dan
- (d) apa-apa benda yang didakwa oleh mana-mana orang, atau yang didapati daripada suatu dokumen yang disertakan, pembungkusan, suatu label atau tanda atau daripada apa-apa hal keadaan lain, sebagai mengandungi suatu bahagian atau terbitan suatu haiwan;



"bahagian yang mudah dikenali atau terbitan suatu tumbuhan" ertinya mana-mana bahagian besar yang lengkap atau bahagian, tisu atau terbitan suatu tumbuhan, dalam bentuk semula jadi, diawetkan, dikeringkan, diproses atau selainnya dirawat atau disediakan yang boleh atau tidak boleh dikandungkan dalam sediaan, dan termasuk—

- (a) biji benih, batang, daun, kulit kayu, akar, balak, bunga, buah atau lenggai;
- (h) apa-apa sebatian kimia yang terbit daripada bahagian, tisu atau ekstrak itu; dan
- (c) apa-apa benda yang didakwa oleh mana-mana orang, atau yang didapati daripada suatu dokumen yang disertakan, pembungkusan, suatu label atau tanda atau daripada apa-apa hal keadaan lain, sebagai mengandungi suatu bahagian atau terbitan suatu tumbuhan;

"dalam persinggahan" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];

"dibiakbakakan dalam kurungan" merujuk hanya kepada anak, termasuk telur, yang dilahirkan atau selainnya dihasilkan dalam suatu persekitaran terkawal daripada induk yang dipasangkan atau selainnya dipindahkan gametnya dalam suatu persekitaran terkawal;

"dibiakkan secara buatan" merujuk kepada apa-apa--

- (a) tumbuhan, ertinya tumbuhan yang tumbuh di bawah keadaan terkawal daripada biji benih, keratan, bahagian, tisu kalus atau tisu lain, spora atau propagul lain yang sama ada dikecualikan atau telah dihasilkan daripada stok induk yang ditanam: dan
- (b) haiwan, ertinya haiwan yang dibiakkan di bawah persekitaran terkawal melalui cara potongan dan pembahagian;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang di buat di bawah Akta ini;

"eksport" ertinya membawa atau menyebabkan supaya dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut, perairan pedalaman atau udara apa-apa spesies terjadual, tetapi tidak termasuk eksport semula;

"eksport semula" ertinya eksport apa-apa spesies terjadual yang sebelum ini telah diimport;

"haiwan" ertinya apa-apa haiwan dalam alam haiwan, dan termasuk —

- (a) apa-apa mamalia (selain manusia), burung, reptilia, amfibia, ikan, moluska, artropod, atau vertebrata atau invertebrata lain, sama ada hidup atau mati, dan telur, yang mudanya atau bentuk tidak matangnya; dan
- (b) apa-apa bahagian yang mudah dikenali atau terbitan sesuatu haiwan;

"import" ertinya membawa atau menyebabkan supaya dibawa ke dalam Malaysia melalui darat, laut, perairan pedalaman atau udara apa-apa spesies terjadual selain apa-apa spesies terjadual dalam persinggahan di Malaysia;

"keadaan terkawal" ertinya suatu persekitaran bukan semula jadi yang dimanipulasikan secara intensif melalui pengantaraan manusia bagi maksud penghasilan tumbuhan dan boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada pembajakan, pembajaan, pengawalan rumpai dan perosak, pengairan, atau pengendalian tapak samaian seperti pemasangan, pembatasan atau perlindungan daripada cuaca;

"Konvensyen" ertinya Konvensyen tentang Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam;

"kuota" ertinya suatu bilangan atau kuantiti yang ditetapkan apa-apa spesies terjadual yang boleh dieksport atau selainnya digunakan sepanjang suatu tempoh masa yang tertentu;

"membawa masuk dari laut" ertinya pengangkutan ke dalam Malaysia apa-apa spesies terjadual yang diambil dari persekitaran laut yang bukan di bawah bidang kuasa mana-mana negara, termasuk ruang udara di atas laut, dasar laut dan tanah bawah di bawah laut itu:

"mengiklankan" berhubung dengan spesies terjadual, ertinya memperihalkan, membuat sebutan mengenai atau merujuk dengan

apa-apa cara, melalui apa-apa kaedah atau dalam apa-apa bentuk, kepada spesies terjadual itu—

- (a) sama ada secara langsung atau tidak langsung;
- (b) sama ada secara lisan, bertulis, diagram, bergambar, melalui penggunaan simbol atau fotograf, atau dalam apa-apa kombinasinya; atau
- (c) sama ada melalui nama biasa atau nama saintifik spesies terjadual itu atau selainnya;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sumber asli dan alam sekitar;

"pegawai penguat kuasa" ertinya—

- (a) seseorang pegawai penguat kuasa yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Kedua;
- (b) mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor, termasuk Inspektor yang sedang dalam tempoh percubaan; atau
- (c) mana-mana Pegawai kastam sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967;

"pemunya" termasuk mana-mana orang yang pada masa ini bertanggungjawab bagi apa-apa spesies terjadual atau mana-mana orang yang pada masa ini menduduki mana-mana premis;

"pendaftaran" ertinya pendaftaran yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan di bawah subseksyen 16(2);

"pengangkutan" ertinya apa-apa kenderaan, vesel, kapal, pesawat udara atau apa-apa cara pengangkutan yang lain sama ada melalui udara, laut atau darat;

"perakuan" ertinya suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan di bawah subseksyen 16(2);

"permit" ertinya suatu permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan di bawah subseksyen 16(2);

"persekitaran terkawal" termasuk suatu persekitaran yang dimanipulasikan bagi maksud menghasilkan spesimen suatu spesies haiwan tertentu yang mempunyai sempadan yang direka bentuk

untuk mencegah haiwan, telur atau gamet haiwan itu daripada memasuki atau meninggalkan persekitaran tertentu itu, dan yang ciri-ciri umumnya yang boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada tempat tinggal buatan, penyingkiran buangan, jagaan kesihatan, perlindungan daripada pemangsa, dan makanan yang dibekalkan secara tiruan;

"Pihak Berkuasa Pengurusan" ertinya Pihak Berkuasa Pengurusan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama:

"Pihak Berkuasa Saintifik" ertinya seseorang atau suatu badan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Saintifik Utama di bawah subseksyen 8(2);

"premis" termasuk apa-apa pondok, bangsal, struktur, platform, rumah, bangunan, pengangkut dan tanah sama ada dipagari atau dibina di atasnya atau tidak;

"Pusat Menyelamat" ertinya suatu premis yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan untuk menjaga kebajikan apa-apa spesies terjadual yang masih hidup, terutamanya yang telah dirampas;

"spesies" termasuk subspesies, atau populasi spesies atau subspesies suatu spesies terjadual yang terpisah secara geografi;

"spesies terjadual" ertinya apa-apa haiwan atau tumbuhan, termasuk apa-apa bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan itu yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;

"stok induk yang ditanam" ertinya sekumpulan tumbuhan yang tumbuh di bawah keadaan terkawal yang digunakan bagi penghasilan semula, mengikut cara yang tidak menjejaskan kemandirian spesies tumbuhan itu dalam hutan atau habitat semula jadi dan disenggarakan dalam kuantiti yang mencukupi bagi pembiakan supaya meminimumkan atau menghapuskan keperluan untuk pengimbuhan daripada hutan atau habitat semula jadi, dengan pengimbuhan itu berlaku hanya sebagai suatu pengecualian dan terhad kepada atnaun yang perlu untuk menyenggarakan kecergasan dan produktiviti bahan induk itu;

"tumbuhan" ertinya apa-apa tumbuhan dalam alam tumbuhan, sama ada hidup atau mati, dan apa-apa bahagian yang mudah dikenali atau terbitan suatu tumbuhan.

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA

**Pihak Berkuasa Pengurusan Utama**

4. Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber asli dan alam sekitar hendaklah menjadi Pihak Berkuasa Pengurusan Utama bagi maksud Akta ini.

**Fungsi Pihak Berkuasa Pengurusan Utama**

5. Fungsi Pihak Berkuasa Pengurusan Utama adalah—

- (a) untuk menyelaraskan pelaksanaan dan penguatkuasaan peruntukan Akta ini oleh Pihak Berkuasa Pengurusan dan Pihak Berkuasa Saintifik;
- (b) untuk berhubung dengan semua negara lain dan sekretariat Konvensyen tentang segala perkara di bawah Akta ini;
- (c) untuk menyebabkan obligasi negara di bawah Konvensyen dipenuhi;
- (d) untuk mewujudkan kesedaran dan memberikan latihan, pendidikan dan maklumat yang berhubungan dengan Konvensyen;
- (e) untuk melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang disifatkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersarmpingan dengan pelaksanaan fungsinya.

**Pihak Berkuasa Pengurusan**

6. (1) Pihak Berkuasa Pengurusan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan tumbuhan, haiwan atau apa-apa kombinasi tumbuhan dan haiwan termasuk bahagian yang mudah dikenali atau terbitan tumbuhan atau haiwan itu di dalam kawasan yang terdapat dalam masing-masing ruang kedua dan ketiga yang bersebelahan.

(2) Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* meminda Jadual Pertama.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Menteri hendaklah mendapatkan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri Sabah atau Sarawak sebelum membuat apa-apa pindaan kepada Jadual Pertama, jika Pihak Berkuasa Pengurusan terletak di Negeri Sabah atau Sarawak.

### **Fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa Pengurusan**

7. (1) Fungsi Pihak Berkuasa Pengurusan adalah—

- (a) untuk menyenggarakan rekod perdagangan antarabangsa mengenai spesies terjadual dan menyediakan laporan tahunan dan dwitahunan berkenaan dengan perdagangan itu, dan mengemukakan laporan itu kepada Pihak Berkuasa Pengurusan Utama pada atau sebelum apa-apa tarikh yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan Utama itu;
- (b) untuk menubuhkan Pusat Menyelamat;
- (c) untuk memaklumkan Pihak Berkuasa Pengurusan Utama dalam tempoh yang munasabah tentang kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini; dan
- (d) untuk melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang disifatkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

(2) Pihak Berkuasa Pengurusan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan permit atau perakuan, atau membenarkan pendaftaran di bawah Akta ini.

(3) Pihak Berkuasa Pengurusan boleh berunding dengan dan mendapatkan nasihat Pihak Berkuasa Saintifik dalam melaksanakan kuasa dan fungsinya di bawah Akta ini.

### **Pihak Berkuasa Saintifik Utama dan Pihak Berkuasa Saintifik**

8. (1) Pihak Berkuasa Pengurusan Utama hendaklah menjadi Pihak Berkuasa Saintifik Utama.

(2) Pihak Berkuasa Saintifik Utama boleh melantik apa-apa bilangan Pihak Berkuasa Saintifik sebagaimana yang perlu untuk memberikan nasihat tentang perdagangan antarabangsa mengenai spesies terjadual.

### **Fungsi Pihak Berkuasa Saintifik**

**9.** Pihak Berkuasa Saintifik hendaklah memberikan nasihat kepada Pihak Berkuasa Pengurusan Utama dan Pihak Berkuasa Pengurusan tentang perdagangan antarabangsa mengenai spesies terjadual tentang—

- (a) kesan perdagangan itu terhadap kemandirian spesies terjadual;
- (b) kuota bagi eksport spesies terjadual;
- (c) penjagaan yang sewajarnya mana-mana spesies terjadual yang hidup untuk diimport atau disimpan di Malaysia;
- (d) langkah-langkah yang hendaklah diambil apabila tuaian spesies terjadual mengancam kemandiriannya;
- (e) rawatan yang sewajarnya mana-mana spesies terjadual yang disita atau dirampas;
- (f) kaedah pelupusan mana-mana spesies terjadual yang disita atau dirampas; dan
- (g) apa-apa perkara lain sebagaimana yang disifatkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

## **BAHAGIAN III**

### **PERDAGANGAN SPESIES TERJADUAL**

#### **Import dan eksport**

**10.** Mana-mana orang yang mengimport atau mengeksport mana-mana spesies terjadual tanpa permit melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit bagi setiap haiwan, tumbuhan, atau bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan, spesies terjadual itu tetapi denda itu tidak boleh melebihi satu juta ringgit pada agregatnya, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya;

- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit bagi setiap haiwan, tumbuhan, atau bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan, spesies terjadual itu tetapi denda itu tidak boleh melebihi dua juta ringgit pada agregatnya.

### **Eksport semula dan membawa masuk dari laut**

**11.** Mana-mana orang yang mengeksport semula atau membawa masuk dari laut mana-mana spesies terjadual tanpa perakuan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan —

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit bagi setiap haiwan, tumbuhan, atau bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan, spesies terjadual itu tetapi denda itu tidak boleh melebihi satu juta ringgit pada agregatnya, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit bagi setiap haiwan, tumbuhan, atau bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan, spesies terjadual itu tetapi denda itu tidak boleh melebihi dua juta ringgit pada agregatnya.

### **Pemilikan spesies terjadual**

**12.** Mana-mana orang yang —

- (a) mempunyai dalam miliknya atau di bawah kawalannya;
- (b) menjual, menawarkan atau mendedahkan atau mengiklankan untuk jualan; atau
- (c) mempamerkan kepada awam,

mana-mana spesies terjadual yang telah diimport atau dibawa masuk dari laut dengan melanggar seksyen 10 atau 11 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan —

- (aa) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit bagi setiap haiwan, tumbuhan, atau bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan, spesies terjadual itu tetapi denda itu tidak boleh melebihi satu juta ringgit pada agregatnya, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya;



- (bh) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit bagi setiap haiwan, tumbuhan, atau bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan, spesies terjadual itu tetapi denda itu tidak boleh melebihi dua juta ringgit pada agregatnya.

### **Spesies terjadual dalam persinggahan**

**13.** (1) Tiap-tiap spesies terjadual yang dalam persinggahan di Malaysia hendaklah disertai dengan—

- (a) suatu permit eksport atau eksport semula, lesen, perakuan atau kebenaran bertulis yang sah, mengikut Konvensyen, yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berwajib negara pengeksporth atau pengeksporth semula spesies terjadual, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (b) jika dikehendaki oleh negara pengimport atau destinasi terakhir spesies terjadual itu, suatu permit import, lesen, perakuan atau kebenaran bertulis yang sah, mengikut Konvensyen, yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berwajib negara atau destinasi itu.

(2) Mana-mana pemunya, pengimport, pengeksporth atau pengeksporth semula yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit bagi setiap haiwan, tumbuhan, atau bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan, spesies terjadual itu tetapi denda itu tidak boleh melebihi satu juta ringgit pada agregatnya, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit bagi setiap haiwan, tumbuhan, atau bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan, spesies terjadual itu tetapi denda itu tidak boleh melebihi dua juta ringgit pada agregatnya.

### **Pembiakbakaan atau pembiakan spesies terjadual**

**14.** (1) Mana-mana orang yang menghasilkan haiwan dibiakbakakan dalam kurungan atau tumbuhan atau haiwan yang dibiakkan secara buatan daripada apa-apa spesies terjadual bagi maksud perdagangan

komersial tanpa didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Pengurusan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan —

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit bagi setiap haiwan, tumbuhan, atau bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan, spesies terjadual itu tetapi denda itu tidak boleh melebihi satu juta ringgit pada agregatnya, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit bagi setiap haiwan, tumbuhan, atau bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan, spesies terjadual itu tetapi denda itu tidak boleh melebihi dua juta ringgit pada agregatnya.

(2) Mana-mana orang yang

- (a) mempunyai dalam miliknya atau kawalannya;
- (b) menjual, menawarkan atau mendedahkan atau mengiklankan bagi jualan; atau
- (c) mempamerkan kepada awam,

mana-mana spesies terjadual yang telah dihasilkan dengan melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan —

- (aa) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit bagi setiap haiwan, tumbuhan, atau bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan, spesies terjadual itu tetapi denda itu tidak boleh melebihi satu juta ringgit pada agregatnya, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya;
- (bb) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit bagi setiap haiwan, tumbuhan, atau bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan atau tumbuhan, spesies terjadual itu tetapi denda itu tidak boleh melebihi dua juta ringgit pada agregatnya.

**Kuasa untuk menghendaki spesies terjadual untuk ditandakan, dsb.**

15. (1) Pihak Berkuasa Pengurusan boleh menghendaki mana-mana pemunya, pengimport, pengeksport atau pengeksport semula

spesies terjadual untuk menjenamakan, melabelkan atau selainnya menandakan mana-mana spesies terjadual itu dengan memuaskannya hati Pihak Berkuasa Pengurusan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Pihak Berkuasa Pengurusan boleh menjenamakan, melabelkan atau menandakan mana-mana spesies terjadual itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana kehendak Pihak Berkuasa Pengurusan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan —

(a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya;

(b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

(4) Mana-mana orang yang mengubah, memalsukan, mencatitkan, memusnahkan, memadamkan, mengalihkan atau dengan apa-apa cara mengganggu apa-apa jenama, label atau tanda yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2) tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Pengurusan terlebih dahulu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan —

(a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya;

(b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

(5) Dalam seksyen ini, sebutan mengenai melabelkan atau menandakan spesies terjadual termasuk sebutan mengenai yang berikut:

(a) dalam hal suatu tumbuhan —

(i) pelabelan atau penandaan bekas yang di dalamnya tumbuhan itu disimpan atau tumbuh; atau

(ii) peletakan label atau tag pada tumbuhan itu; dan

(b) dalam hal suatu haiwan—

- (i) pengimplanan peranti boleh imbas dalam haiwan itu;
- (ii) peletakan gelung pada mana-mana bahagian haiwan itu;
- (iii) peletakan (sama ada melalui penyucukan atau selainnya) tag, tatu atau cecincin pada mana-mana bahagian haiwan itu; atau
- (iv) pelabelan atau penandaan bekas yang di dalamnya haiwan itu disimpan.

#### BAHAGIAN IV

##### PERMIT, PERAKUAN DAN PENDAFTARAN

#### **Permit, perakuan dan pendaftaran**

**16.** (1) Suatu permohonan bagi—

- (a) permit untuk mengimport atau mengeksport mana-mana spesies terjadual;
- (b) perakuan untuk mengeksport semula atau membawa masuk dari laut mana-mana spesies terjadual; dan
- (c) pendaftaran untuk menghasilkan haiwan dibiakbakakan dalam kurungan atau tumbuhan atau haiwan dibiakkan secara buatan daripada mana-mana spesies terjadual bagi maksud perdagangan komersial,

hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Pengurusan, mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan dan berserta dengan fi yang ditetapkan.

(2) Pihak Berkuasa Pengurusan boleh, selepas menimbangkan permohonan di bawah subseksyen (1)—

- (a) mengeluarkan atau enggan untuk mengeluarkan permit untuk mengimport atau mengeksport mana-mana spesies terjadual;
- (b) mengeluarkan atau enggan untuk mengeluarkan perakuan untuk mengeksport semula atau membawa masuk dari laut mana-mana spesies terjadual; dan

(c) membenarkan atau enggan untuk membenarkan pendaftaran untuk menghasilkan haiwan dibiakkan dalam kurungan atau tumbuhan atau haiwan dibiakkan secara buatan daripada mana-mana spesies terjadual bagi maksud perdagangan komersial.

(3) Jika Pihak Berkuasa Pengurusan memutuskan untuk mengeluarkan permit atau perakuan, atau membenarkan pendaftaran di bawah subseksyen (2). Pihak Berkuasa Pengurusan boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi atau melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan —

(a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya;

(b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi empat ratus ribu ringgit.

### **Pembatalan permit, perakuan atau pendaftaran**

17. (1) Pihak Berkuasa Pengurusan boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana permit, perakuan atau pendaftaran jika Pihak Berkuasa Pengurusan berpuas hati bahawa —

(a) pemegang permit, perakuan atau pendaftaran itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini;

(b) pemegang permit, perakuan atau pendaftaran itu telah melanggar mana-mana syarat permit, perakuan atau pendaftaran;

(c) permit atau perakuan itu telah dikeluarkan, atau pendaftaran itu telah dibenarkan hasil daripada maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat;

(d) permit, perakuan atau pendaftaran itu diperoleh secara tidak wajar atau dengan menyalahi undang-undang; atau

(e) pemegang permit, perakuan atau pendaftaran itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Jika Pihak Berkuasa Pengurusan membatalkan permit, perakuan atau pendaftaran di bawah subseksyen (1), Pihak Berkuasa Pengurusan hendaklah dengan segera memberitahu pemegang permit, perakuan atau pendaftaran itu.

(3) Jika Pihak Berkuasa Pengurusan telah memberitahu pemegang permit, perakuan atau pendaftaran itu tentang pembatalan permit, perakuan atau pendaftarannya, pemegang permit, perakuan atau pendaftaran itu hendaklah dengan segera menyerahkan balik permit, perakuan atau dokumen yang berkaitan dengan pendaftaran itu kepada Pihak Berkuasa Pengurusan.

(4) Mana-mana pemegang permit, perakuan atau pendaftaran yang, tanpa alasan yang munasabah, melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

### **Pembiakbakaan dalam kurungan atau pembiakan buatan**

**18.** (1) Mana-mana orang yang didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Pengurusan untuk menghasilkan haiwan dibiakbakakan dalam kurungan atau tumbuhan atau haiwan dibiakkan secara buatan daripada mana-mana spesies terjadual hendaklah menyimpan dan menyenggarakan rekod mengenai stok dan transaksi mereka.

(2) Pihak Berkuasa Pengurusan boleh memeriksa, pada bila-bila masa, premis dan rekod mana-mana orang yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Pengurusan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya;
- (h) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

BAHAGIAN V

KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN,  
PENYITAAN, PENANGKAPAN, DSB.

**Pegawai penguat kuasa**

**19.** Pegawai yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Kedua hendaklah menjadi pegawai penguat kuasa bagi maksud Akta ini dan berkenaan dengan Pihak Berkuasa Pengurusan yang terdapat dalam ruang kedua yang bersempang.

**Kuasa penyiasatan**

**20.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini.

(2) Dalam mana-mana hal yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana pegawai penguat kuasa yang menjalankan penyiasatan boleh menjalankan segala atau mana-mana kuasa khas berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

(3) Seksyen ini tidak boleh dianggap sebagai mengehendkan atau menyentuh mana-mana kuasa yang serupa yang diberikan kepada mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

**Kad kuasa**

**21.** (1) Maka hendaklah dikeluarkan kepada setiap pegawai penguat kuasa di bawah seksyen 19 suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Menteri.

(2) Bilamana pegawai penguat kuasa itu menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

**Kuasa penangkapan**

**22.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

(a) yang didapati melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat dalam pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau

(b) yang dengan semunasabahnya disyaki oleh pegawai penguat kuasa sebagai terlibat dalam melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat dalam pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat penangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis yang paling hampir, dan sesudah itu orang itu hendaklah diperlakukan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa.

**Pengeledahan dan penyitaan dengan waran**

**23.** (1) Jika ternyata pada Majistret, berdasarkan maklumat bertulis yang dibuat atas sumpah dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

(a) mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan bagi; atau

(b) ada di dalam mana-mana premis keterangan yang perlu bagi perjalanan penyiasatan mengenai,

pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai penguat kuasa yang dinamakan dalam waran itu, pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam hari dan dengan atau tanpa bantuan, untuk memasuki premis itu dan jika perlu dengan menggunakan kekerasan.



(2) Waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh memberi kuasa pegawai penguat kuasa untuk—

- (a) mengeledah premis itu bagi dan menyita atau mengalihkan dari premis itu mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelanggaran kesalahan itu;
- (b) mengambil sampel mana-mana spesies terjadual atau benda yang dijumpai di dalam premis itu bagi maksud menentukan, dengan ujian atau selainnya, sama ada kesalahan itu telah dilakukan; dan
- (c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai di dalam premis itu.

(3) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memasuki mana-mana premis di bawah seksyen ini boleh membawa bersamanya mana-mana orang lain dan kelengkapan yang didapatinya perlu.

(4) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu berbuat demikian—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam premis itu atau mana-mana pagar, kepungan, pintu pagar atau halangan lain ke premis itu, untuk masuk ke dalam premis itu;
- (h) mengalihkan dengan menggunakan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, pengeledahan, penyitaan dan pengalihan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakan di bawah seksyen ini; dan
- (c) menahan mana-mana orang yang dijumpai di dalam premis itu sehingga pengeledahan itu selesai.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak munasabah untuk mengalihkan mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah seksyen ini, pegawai penguat kuasa itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu di dalam premis itu atau dalam bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Seseorang yang, tanpa kuasa sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (5) atau memindahkan spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran**

24. Bilamana seseorang pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan mungkin dijumpai di dalam atau pada mana-mana premis, orang atau pengangkut dan bahawa oleh sebab kelengahan dalam mendapatkan waran di bawah seksyen 23 matlamat pengeledahan mungkin tidak tercapai, dia boleh, tanpa waran, dengan apa-apa bantuan dan dengan menggunakan apa-apa kekerasan sebagaimana yang perlu—

- (a) memasuki dan mengeledah premis itu;
- (b) memberhentikan dan memeriksa orang atau pengangkut itu; dan
- (c) menyita mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang mungkin dijumpai dan boleh menjadi keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

### **Kuasa untuk memasuki premis**

25. Walau apa pun seksyen 23 dan 24, seorang pegawai penguat kuasa boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis bagi maksud—

- (a) memeriksa mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain sebagaimana yang difikirkannya perlu;
- (b) menentusahkan ketepatan rekod atau pernyataan atau apa-apa maklumat yang diberikan kepada seseorang pegawai penguat kuasa; atau
- (c) mengambil sampel mana-mana spesies terjadual.

### **Akses kepada data berkomputer**

**26.** Mana-mana pegawai penguat kuasa yang menjalankan pengeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi akses kepada data berkomputer sama ada yang distorkan dalam suatu komputer atau selainnya, dan bagi maksud sedemikian, hendaklah diberikan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan data berkomputer difahami.

### **Penyitaan benda, dsb.**

**27.** Tanpa menjejaskan subseksyen 23(2) dan seksyen 24, mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang semunasabahnya disyaki oleh seorang pegawai penguat kuasa telah digunakan atau akan digunakan dalam pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh disita dan ditahan oleh pegawai penguat kuasa itu.

### **Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut**

**28.** (1) Jika seseorang pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana pengangkut sedang membawa mana-mana spesies terjadual, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa pengangkut itu dan boleh, jika atas pemeriksaan dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pengangkut itu sedang atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, menyita pengangkut itu dan mana-mana spesies terjadual, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai dalam pengangkut itu yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai penguat kuasa—

(a) memberhentikan pengangkut itu dan membenarkan pegawai penguat kuasa itu memeriksanya; dan

- (b) membuka semua bahagian pengangkut itu untuk diperiksa dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan perjalanan pemeriksaan itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai penguat kuasa.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Notis penyitaan**

**29.** (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Akta ini, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah memberikan suatu notis secara bertulis mengenai penyitaan itu dan alasan-alasan penyitaan itu kepada pemunya spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita dengan menyerahkan suatu salinan notis itu kepada pemunya itu, jika pemunya itu atau tempat dia berada diketahui.

(2) Notis di bawah subseksyen (1) tidak perlu diberikan jika penyitaan itu dibuat dalam kehadiran—

- (a) pemunya atau ejennya;
- (b) penghuni premis itu; atau
- (c) orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu jika penyitaan itu dibuat di bawah seksyen 28.

### **Pemulangan sementara pengangkut, dsb.**

**30.** (1) Pegawai penguat kuasa boleh atas budi bicaranya—

- (a) memulangkan buat sementara pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada pemunya atau orang yang daripada milik, jagaan atau kawalannya ia disita, atau kepada mana-mana orang yang difikirkan oleh pegawai penguat kuasa berhak kepadanya, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh pegawai penguat kuasa, dan tertakluk, dalam mana-mana hal, kepada pengadaaan jaminan yang mencukupi yang memuaskan hati pegawai penguat kuasa bahawa pengangkut, jentera,

peralatan atau kelengkapan itu akan diserahkan balik kepada pegawai penguat kuasa itu apabila permintaan dibuat oleh pegawai penguat kuasa itu dan bahawa terma dan syarat itu, jika ada, akan dipatuhi; atau

- (b) memulangkan pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada pemunya atau orang yang daripada milik, jagaan atau kawalannya ia disita, atau kepada mana-mana orang yang difikirkan oleh pegawai penguat kuasa berhak kepadanya, dengan dibolehkan orang yang kepadanya pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu dipulangkan sedemikian untuk melupuskannya, dengan pemulangan itu tertakluk kepada pengadaaan jaminan yang memuaskan hati pegawai penguat kuasa itu dalam suatu amaun yang tidak kurang daripada amaun yang, pada pendapat pegawai penguat kuasa itu, merupakan nilai pasaran terbuka pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu pada tarikh pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu dipulangkan sedemikian tertakluk kepada syarat bahawa jika pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu dilucuthakkan di bawah Akta ini, jaminan itu hendaklah dilucuthakkan.

(2) Jika mana-mana pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan yang disita dipulangkan buat sementara di bawah subseksyen (1), seseorang yang—

- (a) tidak menyerahkan balik pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada pegawai penguat kuasa apabila diminta untuk berbuat demikian; atau
- (b) melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes**

**31.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh, melalui perintah secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang pada hemat pegawai

penguat kuasa itu mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), pegawai penguat kuasa itu boleh melaporkan keengganannya itu kepada Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu.

### **Pemeriksaan orang yang mengetahui kes**

**32.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai penguat kuasa, tetapi dia boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar. sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan.

(4) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas —

- (a) pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dalamnya pernyataan itu dibuat olehnya; dan
- (b) dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang ingin dibuat olehnya.

**Kebolehterimaan pernyataan dalam keterangan**

**33.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seseorang pegawai penguat kuasa semasa penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini boleh digunakan sebagai keterangan.

(2) Apabila mana-mana saksi dipanggil bagi pendakwaan atau bagi pembelaan, selain tertuduh, mahkamah hendaklah, atas permintaan tertuduh atau pendakwa, merujuk kepada mana-mana pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada seseorang pegawai penguat kuasa semasa sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini dan boleh kemudiannya, jika mahkamah berpendapat patut demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberi suatu salinan pernyataan itu dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

(3) Jika tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa sesuatu penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan bagi menyokong pembelaannya semasa perbicaraan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai bagi mana-mana pernyataan yang dibuat semasa suatu kawad cam atau terangkum dalam seksyen 27 atau perenggan 32(1)(a), (i) dan (j) Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas apa-apa kesalahan berhubung dengan—

(a) pembuatan; atau

(b) kandungan,

apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya kepada seseorang pegawai penguat kuasa semasa sesuatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pendakwaan.

**Pelucuthakan spesies terjadual, dsb. yang disita**

**34.** (1) Mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu merupakan hal perkara bagi atau digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tidak ada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini, spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis ke alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu disita yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan berkenaan dengan spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu melainkan jika sebelum tamat tempoh itu suatu tuntutan baginya telah dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5), (6) dan (7).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada pegawai penguat kuasa yang dalam miliknya spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda itu dipegang bahawa dia menuntut spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu.

(5) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, pegawai penguat kuasa itu hendaklah merujuk tuntutan itu kepada seorang Majistret Kelas Pertama bagi mendapatkan keputusannya.

(6) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujukkan di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya



spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dan orang yang daripadanya ia disita hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau apabila mereka tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(7) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (6) merupakan hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, maka Majistret hendaklah memerintahkan supaya spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(8) Mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah dihantarserahkan kepada Pihak Berkuasa Pengurusan dan hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkannya patut, termasuk penghantaran pulang di bawah subseksyen (9) sekiranya Pihak Berkuasa Pengurusan memutuskan sedemikian.

(9) Apabila suatu keputusan bagi penghantaran pulang dibuat di bawah Akta ini berkenaan dengan mana-mana spesies terjadual yang telah diimport atau dibawa masuk melalui laut ke dalam Malaysia dengan melanggar Akta ini, dan spesies terjadual itu dibawa ke dalam Malaysia dalam suatu pengangkut, pemunya atau pengimport spesies terjadual itu atau ejennya hendaklah, jika dikehendaki secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Pengurusan, mengadakan atau bertanggungjawab bagi—

- (a) perjalanan percuma bagi pemulangan spesies terjadual itu ke tempat di mana spesies terjadual itu diangkut ke Malaysia, atau ke mana-mana pelabuhan atau tempat lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan; dan
- (b) penyenggaraan dan penyediaan tempat tinggal yang sepatutnya bagi spesies terjadual itu semasa pelayaran, penerbangan atau perjalanan.

(10) Tiada seorang pun bertanggung di bawah subseksyen (9) melainkan jika keputusan penghantaran pulang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Pengurusan dalam tempoh—

- (a) jika tiada prosiding dimulakan, dua belas bulan dari tarikh spesies terjadual itu diimport atau dibawa masuk melalui laut ke dalam Malaysia; atau
- (b) enam bulan dari tarikh prosiding bagi kesalahan yang berkaitan dengan pengimportan atau pembawaan masuk dari laut ke dalam Malaysia itu selesai.

(11) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (9) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

### **Hak harta mengenai spesies terjadual, dsb. yang dilucuthakkan**

35. Mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan dilucuthakkan di bawah Akta ini hendaklah menjadi harta Pihak Berkuasa Pengurusan.

### **Pelepasan spesies terjadual, dsb. yang disita**

36. Walau apa pun seksyen 34, Pihak Berkuasa Pengurusan boleh, jika difikirkannya patut, pada bila-bila masa mengarahkan supaya mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini dilepaskan kepada orang yang daripada milik, jagaan atau kawalannya ia disita.

### **Kos memegang spesies terjadual, dsb. yang disita**

37. Jika mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Pihak Berkuasa Pengurusan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding

berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memengangnya dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati bersalah atas kesalahan itu, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Pengurusan atau Kerajaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh orang itu dan bolehlah didapatkan dengan sewajarnya.

**Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan**

**38.** Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini atau pada perjalanan yang berupa perjalanan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

**Kuasa tambahan**

**39.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan segala atau mana-mana daripada perbuatan yang berikut:

- (a) menghendaki pengemukaan rekod, akaun dan dokumen dan meneliti, memeriksa, dan menyalin mana-mana daripadanya;
- (b) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini;
- (c) membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Akta ini telah dipatuhi.

(2) Seseorang yang gagal untuk mematuhi permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Kesalahan mengamang atau menghalang pegawai penguat kuasa**

40. Seseorang yang —

- (a) mengamang, menghalang, menyekat atau mengganggu mana-mana pegawai penguat kuasa dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini;
- (b) mengambil balik atau berusaha untuk mengambil balik mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini; atau
- (c) sebelum atau selepas apa-apa penyitaan menyebabkan kehilangan, atau merosakkan atau memusnahkan mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain untuk menghalang penyitaannya atau penyimpanan selamat spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu.

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

**BAHAGIAN VI****AM****Pembayaran ke dalam kumpulan wang**

41. Semua wang yang diterima di bawah Akta ini oleh Pihak Berkuasa Pengurusan hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada —

- (a) jika Pihak Berkuasa Pengurusan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Kumpulan Wang Disatukan;
- (b) jika Pihak Berkuasa Pengurusan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, Kumpulan Wang Disatukan Negeri; atau
- (c) jika Pihak Berkuasa Pengurusan ialah badan berkanun, kumpulan wang badan berkanun itu.

*Perdagangan Antarabangsa mengenai  
Spesies Terancam*

**Pengkompaunan kesalahan**

**42.** (1) Pihak Berkuasa Pengurusan boleh, dengan keizinan Pendakwa Raya, membuat tawaran bertulis untuk mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Pihak Berkuasa Pengurusan suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun maksimum denda bagi kesalahan itu dalam masa yang ditetapkan dalam tawaran itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) tidak dibayar dalam masa yang ditetapkan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan mana-mana spesies terjadual, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut untuk dikenakan mengikut syarat kompaun oleh Pihak Berkuasa Pengurusan.

**Pemulaan pendakwaan**

**43.** Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

**Perisytiharan palsu**

44. (1) Mana-mana orang yang membuat, secara lisan atau bertulis, menandatangani atau memberikan apa-apa perisytiharan, penyata, perakuan atau dokumen atau maklumat lain yang dikehendaki di bawah Akta ini yang tidak benar, tidak tepat atau mengelirukan mengenai apa-apa butiran melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya;
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

(2) Mana-mana orang yang—

- (a) tanpa kuasa yang sah mengubah, memalsukan, mencatitkan atau merosakkan apa-apa permit, perakuan atau pendaftaran; atau
- (b) menggunakan apa-apa permit, perakuan atau pendaftaran yang diketahuinya telah diubah, dipalsukan, dicatitkan atau dirosakkan sedemikian.

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (aa) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya;
- (bb) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

**Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan**

45. Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, maka mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau yang dalam apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh didakwa secara berasingan atau berseksama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan

- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
- (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
  - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-berjaga yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

### **Kesalahan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmat**

46. Mana-mana orang yang boleh dikenakan mana-mana penalti di bawah Akta ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan olehnya sendiri boleh dikenakan penalti yang sama jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmatnya melainkan jika dia membuktikan —

- (a) bahawa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan tanpa pengetahuan, keizinan atau pembiarannya; dan
- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu.

### **Pensubahatan dan percubaan**

47. (1) Mana-mana orang yang bersubahat atau cuba untuk melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(2) Seseorang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan bagi atau bagi membantu pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

**Pekhidmat awam**

48. Tiap-tiap anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Pihak Berkuasa Pengurusan semasa menunaikan kewajipannya sebagai anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen sedemikian hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

**Perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang**

49. Tiada tindakan boleh diambil atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) mana-mana anggota, pegawai atau pegawai penguat kuasa Pihak Berkuasa Pengurusan; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Pihak Berkuasa Pengurusan, pegawai penguat kuasa atau mana-mana pegawai lain yang dilantik dengan sewajarnya oleh Pihak Berkuasa Pengurusan,

jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan mempercayai semunasabahnya bahawa ia perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluinya dan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

**Perlindungan pemberi maklumat**

50. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3), tiada saksi dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah boleh dikehendaki atau dibenarkan menzahirkan nama atau alamat pemberi maklumat atau isi maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen atau data berkomputer yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan



atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan supaya semua bahagian sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan hanya setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbincangan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini mahkamah selepas siasatan penuh tentang kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam apa-apa prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dicapai sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat, mahkamah boleh menghendaki pengemukaan aduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran sepenuhnya, berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

### **Ganjaran**

51. Pihak Berkuasa Pengurusan boleh mengarahkan supaya dibayar apa-apa ganjaran sebagaimana yang difikirkannya patut kepada mana-mana orang bagi perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan pengesanan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau berkaitan dengan apa-apa penyitaan yang dibuat di bawah Akta ini.

### **Kuasa untuk mengecualikan**

52. (1) Menteri boleh, atas syor Pihak Berkuasa Pengurusan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut dikenakan, mana-mana orang atau golongan orang atau mana-mana spesies terjadual daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Menteri boleh, pada bila-bila masa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) jika dia berpuas hati bahawa pengecualian itu tidak lagi diperlukan.

**Kuasa untuk meminda Jadual**

**53.** Menteri boleh, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Pengurusan, meminda Jadual Kedua dan Jadual Ketiga melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

**Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**54.** (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) menetapkan borang, tempoh, terma, syarat dan sekatan bagi mana-mana permit, perakuan atau pendaftaran, dan mengadakan peruntukan bagi pembatalan dan penggantungan permit, perakuan atau pendaftaran;
- (b) menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan Pusat Menyelamat;
- (c) menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan haiwan dibiakkan dalam kurungan dan tumbuhan atau haiwan dibiakkan secara buatan;
- (d) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan penjenamaan, pembungkusan, penandaan sama ada secara kekal atau sementara dan pelabelan spesies terjadual bagi maksud pengenalan;
- (e) menetapkan kesalahan yang boleh dikompaunkan;
- (f) menetapkan rekod dan dokumen yang hendaklah disimpan;
- (g) menetapkan borang-borang bagi maksud Akta ini;
- (h) menetapkan fi dan caj yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini; atau
- (i) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dimaksudkan oleh, atau yang perlu bagi melaksanakan sepenuhnya peruntukan Akta ini dan bagi pentadbirannya yang sewajarnya.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.

### **Pencegahan anomali**

55. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Pengurusan, apabila difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian, sama ada bagi maksud menghapuskan kesulitan atau mencegah anomali yang berbangkit daripada pembuatan Akta ini, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* membuat apa-apa ubah suaian kepada mana-mana peruntukan dalam Akta ini.

(2) Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas habis tempoh dua tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(3) Dalam seksyen ini, "ubah suaian" termasuk pindaan, penambahan, pemotongan, penggantian, penyesuaian, perubahan, pengubahan dan ketidakpakaian mana-mana peruntukan Akta ini.

## JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 6(1)]

## PIHAK BERKUASA PENGURUSAN

<b>Pihak Berkuasa Pengurusan</b>	<b>Spesies</b>	<b>Kawasan</b>
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia	Haiwan kecuali ikan dan haiwan marin	Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Jabatan Perikanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia	Ikan, haiwan marin dan tumbuhan marin	Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia	Kayu	Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Sabah
Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia	Tumbuhan daratan dan air tawar kecuali kayu	Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Jabatan Hidupan Liar Sabah	Haiwan (kecuali ikan dan batu karang) dan tumbuhan (kecuali tumbuhan marin dan kayu)	Sabah
Jabatan Perikanan Sabah	Ikan, batu karang dan tumbuhan marin	Sabah
Jabatan Perhutanan Sarawak dan Perbadanan Perhutanan Sarawak	Haiwan dan tumbuhan	Sarawak

JADUAL KEDUA

[Seksyen 19]

PEGAWAI PENGUAT KUASA

<b>Pegawai</b>	<b>Pihak Berkuasa Pengurusan</b>
Mana-mana pegawai sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 3 Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76]	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia
Mana-mana pegawai perikanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 atau yang dilantik di bawah seksyen 5 Akta Perikanan 1985 [Akta 317]	Jabatan Perikanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia
Ketua Pengarah sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 dan mana-mana pegawai Lembaga yang dilantik di bawah subseksyen 9(2) Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Diperbadankan) 1973 [Akta 105]	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Pengarah dan mana-mana Pegawai Pemeriksa sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [Akta 167]	Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia
Mana-mana pegawai diberi kuasa sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar 1997 [En.Sabah 6/1997]	Jabatan Hidupan Liar Sabah
Mana-mana pegawai perikanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 atau yang dilantik di bawah seksyen 5 Akta Perikanan 1985 dan Pengarah dan pegawai diberi kuasa sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Enakmen Perikanan dan Akuakultur Pedalaman Sabah 2003 [En. Sabah 2/2003]	Jabatan Perikanan Sabah
Mana-mana Pegawai Hidupan Liar sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998 [Bab 26 Saruwak] dan mana-mana pegawai perhutanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Ordinan Perhutanan [Bab 126 Sarawak]	Jabatan Perhutanan Sarawak dan Perbadanan Perhutanan Sarawak

## JADUAL KETIGA

[Seksyen 3]

## SPESIES TERJADUAL

**Tafsiran Lampiran**

1. Sekiranya terdapat percanggahan antara istilah saintifik dengan istilah umum dalam penggunaan nama mana-mana spesies dalam Jadual ini, istilah saintifik hendaklah terpakai.
2. Spesies yang termasuk dalam Lampiran ini disebut—
  - (a) dengan nama spesies itu; atau
  - (b) sebagai semua spesies yang termasuk dalam suatu takson yang lebih tinggi atau bahagian yang ditetapkan daripadanya.
3. Singkatan "spp." digunakan untuk menandakan semua spesies daripada suatu takson yang lebih tinggi.
4. Sebutan lain mengenai taksa yang lebih tinggi daripada spesies adalah bagi maksud maklumat atau pengelasan sahaja. Nama umum yang dimasukkan selepas nama saintifik bagi sesuatu keluarga adalah untuk rujukan sahaja. Ia bertujuan untuk menunjukkan spesies dalam keluarga yang berkenaan yang dimasukkan dalam Lampiran. Dalam kebanyakan hal, ini bukanlah semua spesies dalam keluarga itu.
5. Singkatan yang berikut digunakan bagi taksa tumbuhan di bawah tahap spesies:
  - (a) "ssp." digunakan untuk menandakan subspecies; dan
  - (b) "var(s)." digunakan untuk menandakan varieti.
6. Oleh sebab tiada spesies atau taksa yang lebih tinggi bagi FLORA yang dimasukkan dalam Lampiran I dianotasikan untuk menjelaskan bahawa hibridnya hendaklah diperlakukan mengikut peruntukan Artikel III Konvensyen, ini bererti bahawa hibrid yang dibiakkan secara buatan yang dihasilkan daripada satu spesies atau taksa atau lebih boleh diperdagangkan dengan perakuan pembiakan secara buatan, dan bahawa biji benih dan debunga (termasuk polinia), keratan bunga, anak benih atau kultur tisu yang diperolehi secara *in vitro*, dalam media pepejal atau cecair, yang dibawa dalam bekas steril hibrid ini tidak tertakluk kepada peruntukan Konvensyen.
7. Mengikut Artikel 1, perenggan (b), subperenggan (iii), Konvensyen, simbol (#) diikuti dengan nombor yang diletakkan bersetentangan dengan nama spesies atau takson yang lebih tinggi yang dimasukkan dalam Lampiran II atau III menetapkan bahagian atau terbitan yang dinyatakan berhubung dengannya bagi maksud Konvensyen seperti yang berikut:
  - #1 Menetapkan semua bahagian dan terbitan kecuali—
    - (a) biji benih, spora dan debunga (termasuk polinia);
    - (b) anak benih atau kultur tisu yang diperolehi secara *in vitro*, dalam media pepejal atau cecair, yang dibawa dalam bekas steril; dan
    - (c) keratan bunga daripada tanaman yang dibiakkan secara buatan;

#2 Menetapkan semua bahagian dan terbitan kecuali—

- (a) biji benih dan debunga;
- (b) anak benih atau kultur tisu yang diperoleh secara in vitro, dalam media pepejal atau cecair, yang dibawa dalam bekas steril;
- (c) keratan bunga daripada tanaman yang dibiakkan secara buatan; dan
- (d) terbitan kimia dan produk akhir farmaseutikal;

#3 Menetapkan keseluruhan dan potongan akar dan bahagian akar, tidak termasuk bahagian atau terbitan yang dikilangkan seperti serbuk, pil, ekstrak, tonik, teh dan manisan;

#4 Menetapkan semua bahagian dan terbitan, kecuali—

- (a) biji benih, kecuali biji benih daripada kaktus Mexico yang berasal dari Mexico, dan debunga;
- (b) anak benih atau kultur tisu yang diperoleh secara in vitro, dalam media pepejal atau cecair, yang dibawa dalam bekas steril;
- (c) keratan bunga daripada tanaman yang dibiakkan secara buatan;
- (d) buah dan bahagian dan terbitannya daripada tanaman semula jadi atau tanaman yang dibiakkan secara buatan; dan
- (e) sambungan batang yang dipisahkan (tapak) dan bahagian dan terbitannya daripada tanaman semula jadi atau tanaman yang dibiakkan secara buatan daripada genus *Opuntia* subgenus *Opuntia*;

#5 Menetapkan balak, kayu gergaji dan kepingan venir;

#6 Menetapkan balak, kayu gergaji, kepingan venir dan papan lapis;

#7 Menetapkan balak, serpihan kayu dan pecahan bahan yang tidak diproses;

#8 Menetapkan semua bahagian dan terbitan, kecuali—

- (a) biji benih dan debunga (termasuk polinia);
- (b) anak benih atau kultur tisu yang diperoleh secara in vitro, dalam media pepejal atau cecair, yang dibawa dalam bekas steril;
- (c) keratan bunga daripada tanaman yang dibiakkan secara buatan; dan
- (d) buah dan bahagian dan terbitannya daripada tanaman yang dibiakkan secara buatan daripada genus *Vanilla*;

#9 Menetapkan semua bahagian dan terbitan kecuali bahagian dan terbitan yang mempunyai label "Dihasilkan daripada bahan *Hoodia* spp. yang diperoleh melalui penuaian dan pengeluaran terkawal dengan usaha sama pihak Berkuasa Pengurusan CITES Botswana/Namibia/Afrika Selatan di bawah perjanjian no. BW/NA/ZA xxxxxx"; dan

#10 Menetapkan semua bahagian dan terbitan, kecuali—

- (a) biji benih dan debunga; dan
- (b) produk akhir farmaseutikal.

## (A) HAIWAN DARATAN

LAMPIRAN		
I	II	III
<b>KELAS MAMALIA</b>		
<b>Famili : Agoutidae (Paca)</b>		
		<i>Agouti paca</i> ( <i>Paca</i> )
<b>Famili : Antilocapridae (Pronghorn)</b>		
<i>Antilocapra americana</i> (Hanya populasi dari Mexico) ( <i>Mexican pronghorn</i> )		
<b>Famili : Bovidae (Antelop, lembu, duiker, gazel, kambing, kambing biri-biri, dll)</b>		
<i>Addax nasomaculatus</i> ( <i>Addax</i> )	<i>Ammotragus lervia</i> ( <i>Barbary Sheep</i> )	<i>Antelope cervicapra</i> (Antelop)
<i>Bos gaurus</i> (Seladang)	<i>Bison bison athabascæ</i> ( <i>Wood Bison</i> )	<i>Bubalus arnee</i> (Kerbau Liar Asia)
<i>Bos mutus</i> (Yak Liar)	<i>Budorcas taxicolor</i> ( <i>Takin</i> )	<i>Gazella cuvieri</i> ( <i>Cuvier's Gazelle</i> )
<i>Bos sauveli</i> ( <i>Kouprey</i> )	<i>Cephalophus dorsalis</i> ( <i>Bay Duiker</i> )	<i>Gazella dorcas</i> ( <i>Dorcas Gazelle</i> )
<i>Bubalus depressicornis</i> ( <i>Anoa</i> )	<i>Cephalophus monticola</i> ( <i>Blue Duiker</i> )	<i>Gazella leptoceros</i> ( <i>Rim Gazelle</i> )
<i>Bubalus mindorensis</i> ( <i>Tamaraw</i> )	<i>Cephalophus ogilbyi</i> ( <i>Ogilby's Duiker</i> )	<i>Tetracerus quadricornis</i> ( <i>Chousingha</i> )
<i>Bubalus quarlesi</i> ( <i>Mountain Anoa</i> )	<i>Cephalophus silvicultor</i> ( <i>Yellow-backed Duiker</i> )	
<i>Capra falconeri</i> ( <i>Markhor</i> )	<i>Cephalophus zebra</i> ( <i>Banded Duiker</i> )	
<i>Cephalophus jentinki</i> ( <i>Jentink's Duiker</i> )	<i>Damaliscus pygargus pygargus</i> ( <i>Bontebok</i> )	
<i>Gazelle dama</i> ( <i>Addra Gazelle</i> )	<i>Kobus leche</i> ( <i>Lechwe</i> )	
<i>Hippotragus niger variani</i> ( <i>Giant Sable Antelope</i> )	<i>Ovis ammon</i> (Kecuali subspesies yang termasuk dalam Lampiran I) ( <i>Argali</i> )	
<i>Naemorhedus baileyi</i> ( <i>Red Goral</i> )	<i>Ovis canadensis</i> (Hanya populasi dari Mexico) ( <i>Bighorn Sheep</i> )	
<i>Naemorhedus caudatus</i> ( <i>Chinese Goral</i> )	<i>Ovis vignei</i> (Kecuali subspesies yang termasuk dalam Lampiran I) ( <i>Red Sheep</i> )	
<i>Naemorhedus goral</i> ( <i>Goral</i> )		
<i>Naemorhedus sumatraensis</i> ( <i>Kambing Gurun</i> )	<i>Saiga tatarica</i> ( <i>Saiga</i> )	
<i>Oryx dammah</i> ( <i>Sahara Oryx</i> )		



Perdagangan Antarabangsa mengenai  
Spesies Terancam

49

I	II	III
<i>Oryx leucoryx</i> (Arabian Oryx)  <i>Ovis ammon hodgsonii</i> (Great Tibetan Sheep)  <i>Ovis ammon nigrimontana</i> (Kara Tau Argali)  <i>Ovis orientalis ophion</i> (Cyprian Wild Sheep)  <i>Ovis vignei vignei</i> (Red Sheep)  <i>Pantholops hodgsonii</i> (Chiru)  <i>Pseudoryx nghetinhensis</i> (Saola)  <i>Rupicapra pyrenaica ornata</i> (Abruzzo Chamois)		
<b>Famili : Bradypodidae (Three-toed sloth)</b>		
	<i>Bradypus variegatus</i> (Brown-throated Sloth)	
<b>Famili : Callitrichidae (Marmoset, tamarin)</b>		
<i>Callimico goeldii</i> (Goeldi's Marmoset)  <i>Callithrix aurita</i> (Buffy-tufted-ear Marmoset)  <i>Callithrix flaviceps</i> (Buffy-headed Marmoset)  <i>Leontopithecus spp</i> (Lion Tamarin)  <i>Saguinus bicolor</i> (Bare-faced Tamarin)  <i>Saguinus geoffroyi</i> (Cotton-top Marmoset)  <i>Saguinus leucopus</i> (White-footed Tamarin)  <i>Saguinus oedipus</i> (Cotton-headed Tamarin)	<i>Callithrix spp.</i> (Kecuali spesies yang termasuk dalam Lampiran I)  <i>Saguinus spp.</i> (Kecuali spesies yang termasuk dalam Lampiran I)	
<b>Famili : Camelidae (Guanaco, vicuna)</b>		
<i>Vicugna vicugna</i> (Vicugna)	<i>Lama glama guanicoe</i> (Guanaco)  <i>Vicugna vicugna</i> (Hanya populasi dari Argentina, Bolivia, Chile dan Peru) (Vicugna)	

I	II	III
<b>Famili : Canidae (Anjing belukar, rubah, serigala)</b>		
<p><i>Canis lupus</i> (Hanya populasi dari Bhutan, India, Nepal dan Pakistan) (Serigala Biasa)</p> <p><i>Speothos venaticus</i> (Anjing Belukar)</p>	<p><i>Canis lupus</i> (Kecuali populasi dari Bhutan, India, Nepal dan Pakistan) (Serigala Biasa)</p> <p><i>Cerdocyon thous</i> (Common Zorro)</p> <p><i>Chrysocyon brachyurus</i> (Maned Wolf)</p> <p><i>Cuon alpinus</i> (Anjing Liar Asia)</p> <p><i>Pseudalopex culpaeus</i> (Andean Wolf)</p> <p><i>Pseudalopex griseus</i> (Argentine Grey Fox)</p> <p><i>Pseudalopex gymnocercus</i> (Azara's Zorro)</p> <p><i>Vulpes cana</i> (Afghan Fox)</p> <p><i>Vulpes zerda</i> (Fennec Fox)</p>	<p><i>Canis aureus</i> (Common Jackal)</p> <p><i>Vulpes bengalensis</i> (Rubah Bengal)</p> <p><i>Vulpes vulpes griffithi</i> (Rubah Merah)</p> <p><i>Vulpes vulpes montana</i> (Rubah Merah)</p> <p><i>Vulpes vulpes pusilla</i> (Rubah Merah)</p>
<b>Famili : Cebidae (Monyet dunia baru)</b>		
<p><i>Alouatta coibensis</i> (Coiba Island Howling Monkey)</p> <p><i>Alouatta palliata</i> (Mantled Howler)</p> <p><i>Alouatta pigra</i> (Guatemalan Howler)</p> <p><i>Ateles geoffroyi frontatus</i> (Black-browed Spider Monkey)</p> <p><i>Ateles geoffroyi panamensis</i> (Panama Spider Monkey)</p> <p><i>Brachyteles arachnoides</i> (Woolly Spider Monkey)</p> <p><i>Cacajao spp</i> (Uakaris)</p> <p><i>Chiropotes albinasus</i> (Red-nosed Saki)</p> <p><i>Lagothrix flavicauda</i> (Yellow-tailed Woolly Monkey)</p> <p><i>Saimiri oerstedii</i> (Central American Squirrel Monkey)</p>	<p><i>Alouatta spp.</i> (Kecuali spesies yang termasuk dalam Lampiran I)</p> <p><i>Aotus spp</i></p> <p><i>Ateles spp.</i> (Kecuali subspesies yang termasuk dalam Lampiran I)</p> <p><i>Callicebus spp</i></p> <p><b>Cebus spp</b></p> <p><i>Chiropotes spp.</i> (Kecuali subspesies yang termasuk dalam Lampiran I)</p> <p><i>Lagothrix spp.</i></p> <p><i>Pithecia spp</i></p> <p><i>Saimiri spp.</i> (Kecuali spesies yang termasuk dalam Lampiran I)</p>	

I	II	III
<b>Famili : Cercopithecoidea (Monyet dunia lama)</b>		
<p><i>Cercocebus galeritus galeritus</i> (Tana River Mangahey)</p> <p><i>Cercopithecus diana</i> (Diana Guenon)</p> <p><i>Macaca silenus</i> (Lion-tailed Macajue)</p> <p><i>Mandrillus leucophaeus</i> (Drill)</p> <p><i>Mandrillus sphinx</i> (Mandrill)</p> <p><i>Nasalis concolor</i> (Langur Pulau Pagai)</p> <p><i>Nasalis larvatus</i> (Kera Belanda)</p> <p><i>Presbytis potenziani</i> (Langur Ekor Panjang)</p> <p><i>Procolobus pennantii kirkii</i> (Eastern Red Colobus)</p> <p><i>Procolobus rufomitratu</i> (Tana River Colobus)</p> <p><i>Pygathrix spp.</i> (Snub-nosed Monkey)</p> <p><i>Semnopithecus entellus</i> (Common Langur)</p> <p><i>Trachypithecus geei</i> (Golden Langur)</p> <p><i>Trachypithecus pileatus</i> (Bonneted Langur)</p>	<p><i>Allenopithecus nigroviridis</i> (Allen's Swamp Monkey)</p> <p><i>Cercocebus spp.</i> (Kecuali subspesies yang termasuk dalam Lampiran I)</p> <p><i>Cercopithecus spp.</i> (Kecuali spesies yang termasuk dalam Lampiran I)</p> <p><i>Chlorocebus aethiops</i> (Monyet Hijau)</p> <p><i>Colobus spp</i></p> <p><i>Erythrocebus patas</i> (Monyet Patas)</p> <p><i>Lophocebus albigena</i> (Grey-cheeked Mangahey)</p> <p><i>Miopithecus spp.</i></p> <p><i>Macaca spp.</i> (Kecuali spesies yang termasuk dalam Lampiran I)</p> <p><i>Papio hamadryas</i> (Babun Chacma)</p> <p><i>Presbytis spp.</i> (Kecuali spesies yang termasuk dalam Lampiran I)</p> <p><i>Procolobus spp.</i> (Kecuali subspesies yang termasuk dalam Lampiran I)</p> <p><i>Trachypithecus spp.</i> (Kecuali spesies yang termasuk dalam Lampiran I)</p>	
<b>Famili : Cervidae (Rusa, guemal, kijang, pudu)</b>		
<p><i>Axis calamianensis</i> (Rusa Calamian)</p> <p><i>Axis kuhlii</i> (Rusa Bawean)</p> <p><i>Axis porcinus annamiticus</i> (Ganges Hog Deer)</p> <p><i>Blastocerus dichotomus</i> (Marsh Deer)</p> <p><i>Cervus duvaucelii</i> (Rusa Paya)</p> <p><i>Cervus elaphus hanglu</i> (Rusa Merah)</p> <p><i>Cervus eldii</i> (Brow-antlered Deer)</p>	<p><i>Cervus elaphus bactrianus</i> (Rusa Bactrian)</p> <p><i>Pudu mephistophiles</i> (Northern Pudu)</p>	<p><i>Cervus elaphus barbarus</i> (Rusa Atlas)</p> <p><i>Mazama arnericana cerasina</i> (Guatemalan Red Brocket)</p> <p><i>Odocoileus virginianus mayensis</i> (Guatemalan White Tailed Deer)</p>

I	II	III
<p><i>Dama mesopotamica</i> (Persian Fallow Deer)</p> <p><i>Hippocamelus</i> spp. (Huemul)</p> <p><i>Megamuntiacus vuquanghensis</i> (Kijang Besar)</p> <p><i>Muntiacus crinifrons</i> (Kijang Hitam)</p> <p><i>Ozotoceros bezoarticus</i> (Rusa Pampas)</p> <p><i>Pudu pudu</i> (Chilean Pudu)</p>		
<b>Famili : Cheirogaleidae (Dwarf Lemur)</b>		
<p><i>Allocebus trichotis</i> (Hairy-eared Dwarf Lemur)</p> <p><i>Cheirogaleus</i> spp. (Greater Dwarf Lemur)</p> <p><i>Microcebus</i> spp. (Berthe's Mouse Lemur)</p> <p><i>Phaner furcifer</i> (Fork-marked Lemur)</p>		
<b>Famili : Chinchillidae (Chinchilla)</b>		
<p><i>Chinchilla</i> spp. (Spesimen daripada bentuk bela jinak tidak tertakluk kepada peruntukan Konvensyen) (Chinchilla)</p>		
<b>Famili : Dasypodidae (Armadillo)</b>		
<p><i>Priodontes maximus</i> (Giant Armadillo)</p>	<p><i>Chaetophractus nationi</i> (Bolivian Hairy Armadillo)</p>	<p><i>Cabassous centralis</i> (Northern Naked-tailed Armadillo)</p> <p><i>Cabassous tatouay</i> (Greater Naked-tailed Armadillo)</p>
<b>Famili : Dasyproctidae (Agouti)</b>		
		<p><i>Dasyprocta punctata</i> (Central American Agouti)</p>
<b>Famili : Dasyuridae (Dunnart)</b>		
<p><i>Sminthopsis longicaudata</i> (Long-tailed Dunnart)</p> <p><i>Sminthopsis psammophila</i> (Sandhill Dunnart)</p>		

I	II	III
<b>Famili : Daubentoniidae (Aye-aye)</b>		
<i>Daubentonia madagascariensis</i> (Aye-aye)		
Famili : Elephantidae (Gajah)		
<i>Elephas maximus</i> (Gajah)	<i>Loxodonta africana</i> (Hanya populasi dari Botswana, Namibia, Afrika Selatan dan Zimbabwe: semua populasi lain termasuk dalam Lampiran I) (Gajah Afrika)	
<i>Loxodonta africana</i> (Kecuali populasi dari Botswana, Namibia, Afrika Selatan dan Zimbabwe) (Gajah Afrika)		
Famili : Equidae (Kuda, keldai liar, kuda <b>belang</b> )		
<i>Equus africanus</i> (Keldai Afrika)	<i>Equus hemionus</i> (Kecuali subspecies yang termasuk dalam Lampiran I) (Keldai Liar Asia) <i>Equus kiang</i> (Kiang) <i>Equus onager</i> (Kecuali subspecies yang termasuk dalam Lampiran I) (Onager) <i>Equus zebra hartmannae</i> (Kuda Belang Gunung)	
<i>Equus grevyi</i> (Kuda Belang Grevy)		
<i>Equus hemionus hemionus</i> (Keldai Liar Mongolia)		
<i>Equus onager khur</i> (Onager)		
<i>Equus przewalskii</i> (Kuda Mongolia)		
<i>Equus zebra zebra</i> (Cape Mountain Zebra)		
<b>Famili : Erethizontidae (Landak dunia barn)</b>		
		<i>Sphiggurus mexicanus</i> (Mexican Hairy Dwarf Porcupine) <i>Sphiggurus spinosus</i> (Orange-spined Hairy Dwarf Porcupine)
Famili : Felidae (Kucing)		
<i>Acinonyx jubatus</i> (Cheetah)	<i>Felis</i> spp. (Kecuali spesies yang termasuk dalam Lampiran I Spesimen daripada bentuk bela jinak tertakluk kepada peruntukan Konvensyen) <i>Herpailurus yagouarendi</i> (Kecuali dari Amerika Tengah dan Utara)	
<i>Caracal caracal</i> (Hanya populasi dari Asia) (African Caracal)		
<i>Catopuma temminckii</i> (Kucing Tulap)		
<i>Felis nigripes</i> (Black-footed Cat)		

I	II	III
<i>Herpailurus yaguarondi</i> (Hanya populasi dari America Tengah dan Utara) (Kucing Eyra)	<i>Leptailurus</i> spp. <i>Lynx</i> spp. <i>Oncifelis</i> spp. (Kecuali spesies yang termasuk dalam Lampiran I)	
<i>Leopardus pardalis</i> (Ocelot)	<i>Otocolobus manul</i> (Pallas's Cat)	
